

# TAKLIMAT GERAN PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

Malaysian Technical University Network

# MTUN



**ERIM**  
Centre for Research and Innovation Management  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



TERAS STRATEGIK  
MENJAJAR  
UNIVERSITI  
MELONJAK KE  
HADAPAN

# KANDUNGAN TAKLIMAT


- Pengenalan
- Syarat Permohonan
- Agihan Bidang Tujahan
- Tempoh Projek & Siling Peruntukan
- Hasil Penyelidikan
- Peraturan Kewangan
- Penilaian
- Tarikh-tarikh Penting



# PENGENALAN


# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## LATAR BELAKANG



### **24 Februari 2023 - Ucapan Belanjawan Perdana Menteri Malaysia :**

Peruntukan tambahan sebanyak RM 50juta kepada KPT bagi menjalankan R&D berbentuk translasional yang lebih memberi manfaat kepada penyelesaian isu komuniti dan industri.



### **24 Mac 2023 – Kelulusan permohonan oleh Kementerian Kewangan Malaysia :**

Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan KPT bagi pelaksanaan Program Penyelidikan Translasional 2023 di bawah peruntukan B11.

# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## DEFINISI

Penyelidikan yang bertujuan untuk menterjemahkan hasil dalam penyelidikan asas kepada hasil yang memberi manfaat secara langsung kepada manusia (Wikipedia)

- i. *Translational research transforms scientific discoveries arising from laboratory, clinical, or population studies into clinical applications to reduce human disease and improve health. [Source: National Center for Advancing Translational Sciences]*
- ii. *Translational research seeks to produce more meaningful, applicable results that directly benefit human health. The goal of translational research is to translate (move) basic science discoveries more quickly and efficiently into practice. [Source: Translational Research Institute, University of Arkansas Medical Science]*
- iii. *A systematic effort to convert basic research knowledge into practical applications to enhance human health and well being. [Source: Cornell University]*

# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## DEFINISI

Program atau projek pembangunan berasaskan penyelidikan fundamental yang berpotensi untuk diterjemahkan untuk faedah kerajaan, industri, akademik dan komuniti.



Perkara-perkara asas yang perlu diberikan perhatian :

Projek ini perlu berteraskan penyelidikan fundamental (asas) yang telah **menghasilkan ilmu baharu** dan kekuatan institusi;

Melibatkan **jaringan kerjasama** antara universiti dan pihak berkepentingan (kumpulan sasaran); dan

Penyelidikan untuk menyelesaikan tadbir urus, perubahan set minda warga, pembangunan insan, perniagaan baharu, ekonomi luar bandar dan kesejahteraan masyarakat.

# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## SKOP

1

Menyokong **Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** yang menumpukan kepada penambahbaikan dan kecekapan perniagaan

2

Bersifat **koperasi atau konsortium** yang menyokong komuniti serta menumpukan manfaat ekonomi dan kesejahteraan sosial

3

Melibatkan **agensi Kerajaan dan akademia** yang merangkumi pembangunan, perancangan atau pelan strategik

4

Bersifat **multi atau inter discipline**

## OBJEKTIF

i

Menghasilkan **penyelesaian yang komprehensif** terhadap isu-isu semasa negara melalui **inovasi sosial**

ii

Menghasilkan **produk/outcome yang boleh diterjemahkan** dan **memberikan manfaat** kepada industri dan komuniti

iii

Membantu meningkatkan **taraf sosio ekonomi** dan **kesejahteraan komuniti**

Sumber : *Touchpoint* Belanjawan 2023 oleh Perdana Menteri Malaysia & Sesi pembentangan bersama YBM pada 21 Mac 2023

# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## BIDANG FOKUS

BIDANG FOKUS	UNIVERSITI PENERAJU
Sains Kesihatan	Universiti Malaya
Keterjaminan Makanan	Universiti Putra Malaysia
Teknologi Watan	Universiti Teknologi Malaysia
TVET Termaju	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Kesejahteraan Sosial	Universiti Sains Malaysia
Malaysia MADANI	Universiti Kebangsaan Malaysia
Kelestarian Wilayah	Universiti Malaysia Sabah
Kelestarian Tenaga	Universiti Tenaga Nasional



# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## UNIVERSITI PENERAJU & CADANGAN RAKAN INSTITUSI

### SAINS KESIHATAN

- Peneraju: **Universiti Malaya (UM)**
- Cadangan Rakan Institusi: **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** dan **Universiti Putra Malaysia (UPM)**

### KETERJAMINAN MAKANAN

- Peneraju: **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)** dan **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

### TEKNOLOGI WATAN

- Peneraju: **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
- Cadangan Rakan Institusi: **4 Universiti Penyelidikan (UM, USM, UKM & UPM)** dan **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

### TVET TERMAJU

- Peneraju: **Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**

# PROGRAM PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL 2023

## UNIVERSITI PENERAJU & CADANGAN RAKAN INSTITUSI

### KESEJAHTERAAN SOSIAL

- Peneraju: **Universiti Sains Malaysia (USM)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Utara Malaysia (UUM)**

### MALAYSIA MADANI

- Peneraju: **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

### KELESTARIAN WILAYAH

- Peneraju: **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**

### KELESTARIAN TENAGA

- Peneraju: **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)**
- Cadangan Rakan Institusi : **Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL)**

# SYARAT PERMOHONAN

- Geran terbuka kepada **semua staf akademik aktif** dan Ketua Projek adalah berjawatan Pensyarah Kanan, Profesor Madya atau Profesor.
- Ketua Projek adalah warganegara Malaysia dan kumpulan penyelidik mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) staf akademik daripada Universiti MTUN dan pensyarah daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sebagai penyelidik bersama.
- Ketua Projek mempunyai geran bersifat fundamental sama ada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) atau geran fundamental lain yang bersifat kompetitif.

# SYARAT PERMOHONAN

- Keahlian penyelidik bersama adalah tidak melebihi daripada 5 orang.
- Ketua Projek dan ahli penyelidik bersama mestilah bertanggungjawab dan bersedia memberikan komitmen sepenuhnya terhadap perancangan dan pelaksanaan projek secara keseluruhan.

# AGIHAN BIDANG TUJAHAN

- Dasar TVET (UTHM)  
Impak: Penggubalan Dasar TVET
- Pemindahan Teknologi (UniMAP)  
Impak: Impak Pembangunan Teknologi
- Kerja Sepadan & Pertumbuhan Ekonomi (UMP & UTeM)  
Impak: Pertumbuhan ekonomi dan kebolehkerjaan
- Digital TVET (UTHM, UniMAP, UMP, UTeM)  
Impak: Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran
- *Greening* TVET (UTHM, UniMAP, UMP, UTeM)  
Impak: Pembangunan mampan

# TEMPOH PENYELIDIKAN & SILING PERUNTUKAN



- Tempoh penyelidikan maksimum adalah selama tiga (3) tahun.
- Peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM200,000.00 per projek.

# HASIL PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan meliputi dua (2) komponen utama iaitu :

- Output (laporan teknikal, penerbitan bersifat gunaan dan bukti jaringan kerjasama, modal insan, produk inovasi, harta intelek, libat urus, *townhall* dan komuniti)
- Outcome (perubahan sikap, peningkatan ekonomi, pembinaan keupayaan, perubahan atau penggubalan dasar/strategi/garis panduan, peningkatan kualiti, kemahiran, penghakupayaan).

# PERATURAN KEWANGAN

## Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)

- Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant* - GRA) dengan siling peruntukan tidak melebihi RM2,000/bulan untuk pelajar Sarjana atau RM2,500/bulan untuk pelajar Ijazah Kedoktoran; atau
- Elaun bagi Pembantu Penyelidik (*Research Assistant* – RA) yang bukan berstatus pelajar mestilah tidak melebihi siling peruntukan RM1,500/bulan dalam tempoh penyelidikan (sekiranya output bakat yang ditetapkan adalah RA).



# PERATURAN KEWANGAN

## Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik dan antarabangsa yang berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan;
- Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan untuk aktiviti yang melibatkan kerja lapangan sahaja; dan
- Destinasi perjalanan mestilah merupakan lokasi yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- Memastikan terdapat peruntukan bagi menghadiri seminar/townhall yang dianjurkan oleh Program TVET Termaju
- Memastikan terdapat peruntukan bagi pergerakan untuk pemantauan berkala yang akan dilaksanakan oleh Universiti Peneraju

# PERATURAN KEWANGAN

## Vot 24000 – Sewaan

- Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Namun, sewaan ruang pejabat, komputer dan perabot tidak dibenarkan.

## Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

## Vot 28000 – Penyelenggaraan

- Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan tersebut tidak akan ditanggung lagi oleh geran penyelidikan ini.

# PERATURAN KEWANGAN

## Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- Lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional (pensijilan produk dan lain-lain), penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) mestilah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

# PERATURAN KEWANGAN


## Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

- Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan Malaysia; dan
- Jumlah yang dipohon bagi vot ini mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.


# PENILAIAN

- Penilaian program oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan, kriteria dan lain-lain seperti yang telah ditetapkan dalam terma rujukan.
- Penilaian permohonan adalah berdasarkan skop yang ditetapkan iaitu penyelidikan hendaklah menghasilkan output dan outcome berimpak tinggi dan memanfaatkan pihak berkepentingan seperti kerajaan, komuniti, industri dan akademik.

# Tarikh-Tarikh Penting



Emelkan permohonan ke: [seksyengerancrim@utem.edu.my](mailto:seksyengerancrim@utem.edu.my)  
Tajuk E-mel: PERMOHONAN GERAN TRANSLASIONAL 2023



CRIM UTeM Info Channel

<https://t.me/+1Sk7lb2EsHRhZDdl>

# TERIMA KASIH & SELAMAT MEMOHON

[www.utem.edu.my](http://www.utem.edu.my)

